

DEWAN MAJLIS**Rabu, 3 Syaaban 1442 / 17 Mac 2021****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi

Yang Dimulihkan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, bagi hari ketiga didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَللّٰهُمَّ، kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan Izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang ketiganya dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نبي محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana telah kita maklumi pada petang semalam, Persidangan telah selesai meluluskan satu Usul di bawah Tajuk Usul-Usul Yang Diberi Notis dan pagi ini, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita juga akan berpindah ke perkara yang seterusnya.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara VI - Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang, pandangan dan perhatian Persidangan berpindah kepada Perkara VI - Rang Undang-Undang. Satu Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah pun dikemukakan, saya kira Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu ingin membuat kenyataan awal mengenai Rang Undang-Undang tersebut. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya kaola memohon izin mengemukakan Satu Rang Undang-

Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**, untuk bacaan kali pertama.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi telah mencadangkan bagi Rang Undang-Undang tersebut untuk dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu:"**

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon izin bagi memaklumkan kepada Majlis ini, bahawa kaola akan mengemukakan cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang yang bergelar

“Suatu Akta untuk membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu” pada persidangan hari ini juga, sesuai dengan Peraturan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara, kaola bercadang untuk mengemukakan cadangan Rang Undang-Undang ini untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga pada hari ini jua. Maka kaola memohon izin kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantungkan Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara bagi membolehkan dibuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini juga. Permohonan ini adalah semata-mata bagi membolehkan majlis ini memudahkan tugas-tugasnya dengan lebih lancar dan teratur lagi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah mendengar alasan, keterangan dan sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka saya izinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung bagi membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar: **“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan untuk memperuntukkan wang yang**

tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu” untuk dibaca kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48 (3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk menjalankan serta memberikan keterangan selanjutnya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas keizinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar: **“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”** dibaca bagi kali yang kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
 رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي، وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي، وَاحْلِلْ غَدَّتِي مِنْ لِسَانِي بِفَقْهِي وَأَقُولُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah **“Untuk membenarkan pengeluaran, sejumlah B\$5,860,000,000 dari Kumpulanwang Yang Disatukan, bagi perkhidmatan Tahun**

Kewangan 2021/2022, dan untuk memperuntukkannya, bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual". Dalam berbuat demikian, kaola memohon izin untuk menerangkan secara ringkas mengenai prospek ekonomi global dan Negara Brunei Darussalam serta sokongan Anggaran Belanjawan Negara berasaskan kepada analisa dan penilaian ke atas kemampuan kewangan kerajaan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan sebagai asas dalam penyediaan Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2021/2022.

اللَّهُمَّ، segala puji-pujian dan syukur kehadiran اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, serta berkat kepimpinan dan keprihatinan raja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk di negara ini terus menikmati kesejahteraan dan menunjukkan kedayatahan atau *resilience* dalam menghadapi cabaran-cabaran termasuk krisis global pandemik *COVID-19* dan penurunan permintaan minyak dunia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Izinkan kaola mengongsikan mengenai kedudukan ekonomi global pada masa ini. Pihak *International Monetary Fund (IMF)* di dalam Laporan *World Economic Outlook (WEO)* keluaran bulan Januari 2021 telah melaporkan bahawa ekonomi global pada tahun 2020 adalah pada

kadar negatif 3.5 peratus berbanding dengan negatif 4.4 peratus sebagaimana laporan keluaran bulan Oktober 2020.

Bagi tahun 2021, ekonomi global adalah diunjurkan akan berkembang pada kadar 5.5 peratus dengan mengambil kira pengukuhan aktiviti-aktiviti ekonomi berikutan dengan sokongan dasar tambahan *economic stimulus* dan program vaksinasi yang dilaksanakan di seluruh dunia. Manakala, pertumbuhan ekonomi di rantau Asia khususnya bagi *Emerging and Developing Asia (China, India & ASEAN-5)* adalah diunjurkan akan berkembang pada kadar 8.3 peratus. Pihak IMF juga meramalkan bahawa jumlah perdagangan global (*global trade volume*) dijangka akan meningkat sekitar 8.1 peratus pada tahun 2021 berbanding dengan kadar negatif 9.6 peratus pada tahun 2020 sejajar dengan unjuran pemulihan ekonomi dunia.

Berikutan dengan pengawalseliaan ke atas bekalan minyak dari Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (*OPEC*) serta pelaksanaan program vaksinasi yang sedang dilaksanakan di seluruh dunia dan pemulihan ekonomi global, pihak *Energy Information Administration (EIA)* melalui laporan bulan Mac 2021 telah meramalkan bahawa harga minyak Brent akan meningkat secara purata kepada harga US\$61 setong bagi tahun 2021 berbanding dengan US\$42 setong pada tahun 2020. Kenaikan harga minyak ini adalah didorong oleh meningkatnya penggunaan petroleum dan bahan api cecair global secara purata daripada 92.2 juta tong sehari pada

tahun 2020 kepada 97.5 juta tong sehari pada tahun 2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya kaola ingin mengongsikan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Negara Brunei Darussalam. Menurut Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, ekonomi negara bagi tahun 2020 telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.2 peratus, disebabkan oleh:

1. Sektor Bukan Minyak dan Gas meningkat sebanyak 9.0 % (tahun-ke-tahun) selaras dengan peningkatan antara lainnya bagi:

- Subsektor Pembuatan terutamanya pembuatan produk petroleum dan kimia, meningkat 323.9 %;
- Subsektor Perhubungan meningkat 15.9 %;
- Subsektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan meningkat 11.7% disebabkan oleh kenaikan dalam industri akuakultur selaras dengan peningkatan pengeluaran udang ternakan dan peningkatan dalam pengeluaran lembu dan ayam pedaging; dan
- Subsektor Perdagangan Borong & Runcit meningkat 2.8 % berikutan dengan sekatan perjalanan keluar negara disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Ini telah

menyebabkan peningkatan pada permintaan pengguna pada barangan seperti peralatan komputer & telekomunikasi; barang rekreasi; perkakas elektrik & peralatan pencahayaan; dan barangan farmasi dan perubatan, barang kosmetik & *toiletries*.

2. Manakala, Sektor Minyak dan Gas telah mencatatkan penurunan sebanyak 4.9 peratus disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah dan gas asli.

Bagi tahun 2021 pula, pihak JPES telah mengunjurkan pertumbuhan KDNK Negara Brunei Darussalam adalah di antara 0.8% hingga 1.6 %, iaitu Sektor Minyak & Gas dijangkakan berkembang pada kadar 0.5% sementara Sektor Bukan Minyak & Gas berkembang pada kadar di antara 1.1% hingga 2.9%. Pertumbuhan ini didorong oleh pertumbuhan dalam Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (2.0% hingga 5.4%); Sektor Industri (1.0% hingga 1.9%); dan Sektor Perkhidmatan (0.3% hingga 1.0%).

Pihak pertubuhan-pertubuhan antarabangsa termasuk *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO)*, *Asian Development Bank (ADB)*; dan *IMF* telah mengunjurkan pertumbuhan yang positif bagi ekonomi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021 masing-masing pada kadar 3.7%, 3.0% dan 3.2%. Manakala, hasil kajian yang dilaksanakan oleh Pusat Kajian Strategik dan Dasar atau *Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS)* di negara ini telah

mengunjurkan bahawa ekonomi negara akan berkembang pada kadar 2.8%. Unjuran-unjuran ini adalah berikutan dengan hasil pengeluaran dari industri hiliran minyak dan gas (*downstream*) bagi Projek Loji Penapisan Minyak dan Petrokimia Hengyi di Pulau Muara Besar bagi Fasa Pertama dan juga kilang Brunei Fertilizer Industries (BFI) yang akan mula beroperasi pada suku ketiga tahun 2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tahun Kewangan 2020/2021 adalah tahun yang sangat mencabar terhadap kedudukan fiskal kerajaan. Ini adalah disebabkan oleh ketidakpastian harga minyak dunia yang telah memberi impak yang besar kepada hasil pendapatan kerajaan. Di samping itu, negara juga berhadapan dengan impak pandemik *COVID-19* sejak awal bulan Mac 2020.

Walau bagaimanapun, di sebalik cabaran ini, kerajaan masih berupaya menyusun tindak balas dasar *Stimulus Package Fiscal and Monetary* serta bantuan-bantuan lain secara *Whole of Nation Approach* yang keseluruhannya berjumlah \$450 juta khusus bagi menangani impak *COVID-19* di negara ini, dengan memberikan tiga fokus utama iaitu Memelihara Kesejahteraan Awam, Memelihara Pekerjaan Yang Ada; dan Memberi Sokongan Kepada Individu-Individu dan Mendukung dan Membantu Sektor Perniagaan. Antara inisiatif-inisiatif berkenaan adalah:

- i. Penyediaan aplikasi *BruHealth* yang berfungsi untuk memudahkan *contact*

tracing, dan kemudiannya ditambah dengan beberapa ciri baru antaranya adalah perkhidmatan dalam talian bagi Rekod Peribadi Kesihatan, Perjanjian Hospital dan Konsultasi Melalui Video.;

- ii. Pemberian Elaun Khas sebanyak \$400 sebulan bermula bulan Mac 2020, kepada para barisan hadapan atau *frontliners* termasuk sukarelawan yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan, Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin yang dikhaskan oleh pihak kerajaan.;
- iii. Membawa pulang penuntut-penuntut dari negara-negara yang terjejas pada ketika itu dan membawa keperluan barang-barang perubatan untuk kegunaan di Pusat Pengasingan Kebangsaan, seperti ventilator, katil-katil dan sebagainya khusus untuk kegunaan pusat berkenaan.;
- iv. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** hasil dari usaha-usaha bersepadu oleh pihak-pihak berkenaan serta penglibatan dan kerjasama seluruh rakyat dan penduduk dalam sama-sama membantu menangani pandemik *COVID-19* di negara ini, '*COVID-19 Relief Fund*' telah berjaya mengutip sejumlah \$14.6 juta, iaitu sebahagian besar daripadanya telah digunakan untuk membangun *National Isolation Center* (NIC) dan selebihnya untuk membeli keperluan peralatan-peralatan perubatan.;
- v. Bagi menambah kapasiti dan mempercepatkan proses ujian makmal bagi *COVID-19* di negara ini,

- bangunan tambahan Makmal Rujukan *Virology* Kebangsaan di Kampung Sumbiling, Bandar Seri Begawan telah dibina dan mula digunakan pada 1 April 2020.;
- vi. Penangguhan pembayaran caruman *Supplementary Contributory Pension (SCP)* dan Tabung Amanah Pekerja (TAP) selama 6 bulan bermula 1 April 2020 sehingga September 2020 kepada pekerja tempatan yang berpendapatan di bawah \$1,500.00 sebulan bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dari sektor sasaran seperti Sektor Pelancongan, *Hospitality*, Restoran dan Kafe, Pengangkutan Penumpang Udara dan Air.;
- vii. Pembayaran caruman pekerja oleh Kerajaan bagi ahli-ahli SCP yang bekerja sendiri selama 6 bulan mulai bulan April 2020 sehingga September 2020.;
- viii. Melanjutkan kontrak perantis *i-Ready* yang tamat sebelum bulan September 2020 di sektor awam dan swasta sehingga 6 bulan dan Program *i-Ready* juga dilaratkan ke peringkat Diploma Tahap 5 iaitu HND atau *Advanced Diploma* dan *Technical and Vocational Education Training* ataupun TVET.;
- ix. Subsidi pembayaran gaji sebanyak 25% kepada pekerja-pekerja tempatan yang bekerja di syarikat-syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang mempunyai pekerja seramai 100 orang dan ke bawah bagi tempoh selama 3 bulan bermula 1 April 2020.;
- x. Pemberian diskaun seperti 3% diskaun ke atas kadar sewa bangunan kerajaan, 50% diskaun cukai pendapatan korporat, dan diskaun 15% untuk bil-bil air dan elektrik, kepada syarikat-syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mengikut sektor sasaran yang berkuat kuasa bagi tempoh 6 bulan mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020.;
- xi. Sewa bangku Tamu, Pasar dan Gerai yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditiadakan bagi tempoh enam bulan bermula bulan Mac 2020.;
- xii. Kempen '*Buy Local Produce*' yang dilancarkan pada bulan April 2020 adalah untuk memastikan pendapatan petani-petani tempatan sentiasa terjamin dan tidak terjejas, iaitu berikutan dengan penutupan sementara beberapa buah tamu di Tutong dan Seria. Usaha ini adalah dengan kerjasama padu di antara Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, *Ghanim International Corporation Sdn Bhd* dan *Darussalam Enterprise (DARE)*.;
- xiii. Mendukung penyediaan *virtual market platform* oleh pihak swasta seperti '*Community for Brunei*' dan 'eKadaiBrunei', bagi membantu syarikat-syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menjual barangan masing-masing

- secara dalam talian berikutan dengan penutupan gerai-gerai Ramadhan dan restoran-restoran.;
- xiv. Penyediaan *co-matching grant* oleh *DARe* juga dilaratkan kepada perniagaan perkhidmatan *e-Commerce* dan perkhidmatan logistik.;
- xv. Pengecualian sementara duti kastam dan duti eksais bagi tempoh 6 bulan dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020 ke atas beberapa produk kesihatan seperti *hand sanitizer, surgical face mask* dan lain-lain dalam menangani *COVID-19* yang dihasratkan untuk membantu para peniaga dan pembeli dengan meningkatnya permintaan ke atas produk-produk berkenaan.;
- xvi. Memastikan kedudukan stok beras negara adalah mencukupi untuk keperluan harian rakyat dan penduduk negara ini, di mana kerajaan telah membuat pembelian tambahan dengan syarikat pembekal yang dilantik.;
- xvii. Di samping itu, dalam usaha untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta pengusaha-pengusaha persendirian yang berkecimpung dalam penyediaan dan penjualan kuih-muih yang menggunakan beras pulut sebagai bahan asas dan ke arah kelangsungan perniagaan masing-masing, kerajaan telah memberikan diskaun 50% bagi penjualan beras pulut selama tiga bulan bermula April 2020.; dan
- xviii. Di samping dasar-dasar fiskal yang kaola nyatakan tadi, ianya juga didukung oleh dasar-dasar monetari yang dilaksanakan oleh pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam, antaranya adalah seperti *deferment of the principal amount* ke atas pinjaman atau pembiayaan kepada semua sektor; menstruktur semula dan membuat penangguhan jumlah pembayaran pokok (*principal amount*) keatas pinjaman peribadi dan kemudahan sewa beli seperti pinjaman atau pembiayaan membeli kereta untuk tempoh tidak melebihi 10 tahun; dan menstruktur semula baki tertunggak (*outstanding balances*) kad kredit kepada pinjaman (*loan*) untuk tempoh tidak melebihi 3 tahun bagi individu-individu yang terkesan di sektor swasta sahaja termasuk mereka yang bekerja sendiri (*self-employed*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, kaola ingin mengongsikan kedudukan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2019/2020. Kutipan hasil pendapatan kerajaan adalah menurun sebanyak 19.6% kepada \$4.85 bilion berbanding Tahun Kewangan 2018/2019. Manakala, perbelanjaan sebenar kerajaan adalah menurun sebanyak 2.1% kepada \$5.87 bilion berbanding Tahun Kewangan 2018/2019. Oleh yang demikian, Kerajaan telah merekodkan defisit berjumlah \$1.03 bilion bagi Tahun Kewangan 2019/2020.

Bagi Tahun Kewangan 2020/2021 pula, kedudukan fiskal kerajaan sehingga 28 Februari 2021 adalah seperti berikut:

- i. Kutipan hasil pendapatan Kerajaan adalah berjumlah \$1.46 bilion iaitu menurun sebanyak 57.7% berbanding dengan \$3.45 bilion bagi tempoh yang sama dalam Tahun Kewangan 2019/2020. Ini disebabkan oleh kejatuhan harga minyak dunia dan turunnya pengeluaran minyak mentah dan LNG yang sekali gus memberi kesan kepada penurunan hasil sebanyak 69.9 peratus (\$2 bilion) dari Sektor Minyak dan Gas. Di samping itu, hasil dari Sektor Bukan Minyak dan Gas juga telah menurun sebanyak 6.6% (\$44 juta) berbanding dengan Tahun Kewangan 2019/2020.
- ii. Manakala, perbelanjaan kerajaan adalah berjumlah \$4.44 bilion, iaitu sebanyak 75.7% daripada peruntukan yang telah diluluskan bagi Tahun Kewangan 2020/2021.
- iii. Oleh yang demikian, kedudukan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2020/2021 sehingga 28 Februari 2021 telah merekodkan defisit sejumlah \$2.98 bilion.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, kaola akan menerangkan Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2021/2022, termasuk peruntukan bagi Kumpulanwang Kemajuan, yang keseluruhannya

berjumlah \$5.860,000,000 dan seterusnya mengongsikan pecahan kategori perbelanjaan yang dicadangkan seperti berikut:

- i. **Kategori Pertama** - Gaji Kakitangan diperuntukkan sejumlah \$2.02 bilion bersamaan 34.4% daripada keseluruhan peruntukan bagi membiayai gaji, elaun-elaun dan pembayaran caruman bagi 65,281 kakitangan kerajaan;
- ii. **Kategori Kedua** - Perbelanjaan Berulang-Ulang diperuntukkan sejumlah \$2.18 bilion bersamaan 37.3% daripada keseluruhan peruntukan yang disediakan;
- iii. **Kategori Ketiga** - Perbelanjaan Kemajuan diperuntukkan sejumlah \$600 juta atau 10.2%;
- iv. Manakala selebihnya adalah untuk membiayai perbelanjaan di bawah **kategori Keempat** - iaitu di bawah tajuk Perbelanjaan Yang Diakui.

Dalam mencadangkan Anggaran Belanjawan tadi, kaola juga ingin mengongsikan Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 yang diunjurkan berjumlah \$2.61 bilion seperti berikut:

- i. Hasil dari Sektor Minyak dan Gas adalah dianggarkan berjumlah \$1.52 bilion.
- ii. Hasil dari Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah dianggarkan berjumlah \$1.09 bilion.

iii. Berdasarkan Anggaran Hasil yang kaola nyatakan tadi, kedudukan fiskal negara bagi Tahun Kewangan 2021/2022 akan mengalami defisit berjumlah kira-kira \$3.25 bilion.

Sebagaimana yang pernah kaola sampaikan di Dewan yang mulia ini, iaitu semasa pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021, kaola sekali lagi mengongsikan bahawa hasil pendapatan negara sebahagian besarnya masih bergantung kepada Sektor Minyak dan Gas. Pandemik *COVID-19* telah menjejaskan permintaan minyak dunia yang menyebabkan bekalan berlebihan (*excess supply*), dan seterusnya menjejaskan harga minyak dunia sepertimana yang terjadi pada tahun 2020 di mana pada satu ketika harga minyak jatuh di bawah US\$20 setong. Dalam masa yang sama, pengeluaran hasil *hydrocarbon* negara juga telah menurun. Faktor-faktor ini telah menjejaskan kutipan hasil kerajaan untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekarang izinkan kaola membentangkan Tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2021/2022 iaitu '**Ke Arah Pembangunan Sosio-Ekonomi Yang Resilien**'.

Tema ini dirangka untuk memantapkan lagi usaha-usaha dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, iaitu Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya; Kualiti Kehidupan Rakyat Yang

Tinggi; dan Ekonomi Yang Dinamik dan Berdayatahan. Tema ini juga adalah sebagai kesinambungan kepada tema belanjawan sebelum ini, iaitu '*Investing in Our Future*' atau 'Pelaburan untuk Masa Depan'.

Di sebalik cabaran ke atas kedayatahan fiskal kerajaan, adalah mustahak bagi kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha dalam mengukuhkan kedayatahan sosio-ekonomi negara. Oleh yang demikian, belanjawan yang disediakan perlulah menjurus kepada inisiatif-inisiatif dan aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi dalam memastikan kesejahteraan rakyat adalah sentiasa terjamin. Ini termasuklah memastikan jaminan makanan (*food security*) dan barangan yang berkepentingan dengan mengukuhkan rantai bekalan (*supply chain*) melalui hubungan perdagangan dengan negara-negara rakan dagang utama (*main trading partners*). Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan inisiatif ke arah *digitalisation* sebagai persediaan dan landasan untuk memantapkan ekonomi digital negara ke arah revolusi industri keempat iaitu 4IR yang mana sebahagian projek-projek ICT yang telah dan sedang dalam pelaksanaan akan kaola terangkan kemudian.

Ke arah itu, dalam usaha kerajaan untuk mengukuhkan lagi kedayatahan sosio ekonomi negara, beberapa inisiatif telah dan sedang disusun iaitu pensejajaran dasar-dasar dan strategi-strategi ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei

2035. Ini termasuk penyediaan *Brunei Darussalam's Economic Blueprint: Towards a Dynamic and Sustainable Economy; Digital Economy Masterplan; Sistem Kebajikan Negara (SKN); Dasar Protokol Hijau dan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam; dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035:*

- i. Pelaksanaan *Economic Blueprint* akan membantu Negara Brunei Darussalam mengurangkan kebergantungan yang tinggi terhadap minyak dan gas dan dijangka akan menjadikan ekonomi negara lebih dinamik dan berdaya tahan, di samping menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang bermanfaat (*meaningful employment*) dan bernilai tinggi untuk rakyat dan penduduk tempatan.;
- ii. Penubuhan Komite Pembangunan Makroekonomi bagi memantau perkembangan makroekonomi di negara ini dan seterusnya menghasilkan cadangan dasar yang perlu dilaksanakan dalam menangani isu-isu yang telah dikenal pasti dengan mengambil kira hala tuju dasar di dalam *Economic Blueprint* .;
- iii. *Digital Economy Masterplan* untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara Pintar (*Smart Nation*) serta mendorong dan meningkatkan pertumbuhan sosio-ekonomi negara melalui transformasi digital.;
- iv. Sistem Kebajikan Negara (SKN) bagi memastikan tidak berlakunya ketirisan

dan keciciran dari kalangan rakyat dan penduduk yang layak dibantu.;

- v. Dasar Protokol Hijau dan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam yang bermatlamat untuk membentuk hala tuju negara ke laluan yang rendah *carbon* dan berdaya tahan terhadap impak perubahan iklim.;
- vi. Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035, bagi melahirkan belia yang bertaraf dunia, menjana agensi agensi perubahan masa depan dan berperanan dalam pembangunan negara secara inklusif.

Perkara ini pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2021 antara lain baginda bertitah:

"Oleh itu, Negara Brunei Darussalam sendiri mesti seiring dengan rakan-rakan membuat perubahan, dengan sistem negara, ekonomi, pendidikan dan keselamatan diperkukuhkan sebagaimana merujuk kepada Blueprint-Blueprint, Pelan-Pelan Induk dan Pelan-Pelan Strategik yang dikeluarkan, sama ada di peringkat kementerian mahupun nasional."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tema belanjawan pada Tahun Kewangan 2021/2022 akan memfokuskan kepada tiga (3) keutamaan iaitu:-

- i. Meningkatkan Produktiviti Negara;
- ii. Penyediaan Kemudahan dan Infrastruktur yang Mampan (*sustainable*) dan Berdayatahan (*resilient*) untuk Kesejahteraan Awam dan Perkembangan Ekonomi; dan
- iii. Menjana Sumber Manusia yang Kompeten dan *Employable*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan satu persatu dan juga memberikan perkembangan dan pencapaiannya setakat ini di bawah keutamaan-keutamaan tersebut:

1. Fokus Belanjawan Pertama: Meningkatkan Produktiviti Negara.

Keutamaan ini memfokuskan kepada peluang baru untuk menambah baik produktiviti dan daya saing negara melalui perkembangan teknologi terkini dan inovasi melalui *whole of nation approach* dan *whole of government approach*.

Antara aktiviti utama yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

1.1 Pertama, Mendukung Produktiviti Hasil Pengeluaran Produk-Produk Tempatan.

Untuk mendukung aktiviti ini, kerajaan terus bekerjasama dengan pihak Swasta termasuk *Government-Linked-Companies* atau *GLCs* dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam menyediakan tapak-tapak perindustrian dan pertanian dan memanfaatkan teknologi terkini agar produk-produk yang dihasilkan adalah lebih kompetitif dan dapat menembusi pasaran luar negara melalui eksport perdagangan.

Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh beberapa agensi Kerajaan dan *GLCs* bagi meningkatkan kecekapan dan tahap produktiviti di sektor awam mahupun sektor swasta adalah seperti berikut:

- i. Bantuan kepada petani-petani tempatan oleh DARE bagi mendapatkan sijil perakuan Brunei Good Agriculture Practice (*BRUNEI GAP*) melalui latihan yang diberikan oleh Syarikat Agrome IQ.;
- ii. Pembinaan sebuah fasiliti *feedlot* dan ladang *napier* berkeluasan 55 hektar di bawah Projek *Feedlot* Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd, dengan jumlah pelaburan sebanyak \$6.3 juta, akan mampu

- menampung 2,800 ekor lembu dalam satu masa dan memproses kira-kira 7,000 ekor lembu setahun. Inisiatif ini akan dapat membantu meningkatkan pengeluaran daging dan mengurangkan keperluan pengimportan daging.;
- iii. Projek Kompleks Pendaratan Ikan di Muara, di bawah pengendalian Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Syarikat Pelabuhan Muara Sdn. Bhd. (*MPC*) dengan jumlah pelaburan \$14.5 juta. Projek ini dijangka akan membantu meningkatkan pengeluaran industri perikanan negara menjelang tahun 2035. Projek ini akan menyumbang kepada peningkatan eksport perikanan dan akan menjana peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan membukakan peluang perniagaan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).;
- iv. Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi di Kawasan Kandol, Daerah Belait Secara Komersial juga diteruskan dengan kerja-kerja pembinaan infrastruktur. *Syarikat PaddyCo Sdn Bhd*, sebuah anak syarikat *Darussalam Assets*, telah ditubuhkan untuk mengendalikan projek tersebut sejak Fasa Pertama. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, bagi musim penanaman dari bulan Mei hingga September 2020 dengan keluasan 17.23 hektar, Syarikat PaddyCo telah menghasilkan 50.22 metrik tan padi.
- Seterusnya, bagi penanaman padi Fasa Kedua, Syarikat PaddyCo akan terus mengembangkan lagi projek tersebut dengan keluasan 145 hektar, dan dijangka akan menghasilkan sebanyak 4 metrik tan setiap hektar. **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ**;
- v. Penubuhan *Brunei Darussalam Food Authority (B DFA)* bersama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada 1 Januari 2021 iaitu sebuah badan berkanun yang berperanan sebagai *competent authority* dan pengawal selia dalam pengurusan keselamatan dan kualiti makanan. Dengan penubuhan tersebut, ianya akan dapat menjadi pemangkin kepada industri makanan tempatan dalam mencapai daya saing di peringkat antarabangsa.;
- vi. *Golden Corporation Sdn Bhd* yang mengusahakan ladang ternakan udang organik telah mencatatkan nilai eksport berjumlah \$13.8 juta dan akan meningkatkan pengeluarannya kepada 4,000 tan pada tahun 2021.;
- vii. Dana *SDC* (Dana Modal Pembangunan Strategik) telah membuat pelaburan dengan *Pure*

Fresh Group, bertujuan untuk mengembangkan industri Udang Biru Rostris di negara ini dengan menubuhkan fasiliti penetasan dan pembiakan, ladang penternakan serta fasiliti pemrosesan makanan laut. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** bagi tahun 2020, syarikat-syarikat usahasama Pure Fresh telah menghasilkan 1.1 juta benih udang (*fries*) dan telah menuai 1.6 metrik tan Udang Biru Rostris. Syarikat-syarikat berkenaan juga telah memproses dan mengeksport ke luar negara.

viii. *Syarikat Ghanim International Corporation Sdn Bhd* telah bekerjasama dengan 18 buah syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mengeksport produk masing-masing di bawah jenama "*bruneihalalfoods*" ke pasaran serantau melalui rangkaian pengedaran Ghanim di Australia, Malaysia, Republik Rakyat China dan Singapura. Sebagai usaha berterusan, Ghanim akan membina *processing facility* bagi membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menghasilkan produk-produk yang memenuhi *standard* antarabangsa dari segi keselamatan makanan.

Bagi meneruskan usaha untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil produk-produk tempatan khususnya Sektor Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan di bawah kendalian

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, beberapa peruntukan telah pun disediakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara atau RKN dan Perbelanjaan Biasa antara lainnya adalah seperti berikut:

i. Di bawah RKN, secara keseluruhannya peruntukan berjumlah \$39.5 juta dengan Harga Rancangan \$113.7 juta terus disediakan di bawah Sektor Pertanian untuk membiayai beberapa projek berikut:

- Pertama, projek bagi memajukan dan membuka tapak-tapak industri akuakultur disediakan sejumlah \$7.2 juta.;
- Kedua, Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi secara Komersial Fasa Kedua, di Kawasan Kandol, Daerah Belait disediakan sejumlah \$8 juta.;
- Ketiga, Projek Pembangunan Industri Ternakan seperti penyediaan tapak dan infrastruktur adalah disediakan sejumlah \$17 juta.;
- Keempat, Projek untuk Meningkatkan Keluaran Sayur dengan menggunakan Teknologi Tinggi adalah disediakan sejumlah \$10 juta.

ii. Di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang, peruntukan-peruntukan untuk membiayai operasi-operasi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan adalah disediakan seperti berikut:

- Pertama, sejumlah \$3.3 juta disediakan di bawah Jabatan Perikanan untuk membiayai Program Perancangan dan Perkembangan Perikanan dan Program Peningkatan Penghasilan Perikanan.;
- Kedua, beberapa peruntukan di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, adalah disediakan seperti berikut:
 - Sejumlah \$8.0 juta disediakan untuk membiayai Program Pengurusan Perkhidmatan Dukungan Pertanian dan Agrimakanan khususnya untuk mengembangkan sistem pengeluaran pertanian dan agrimakanan.;
 - Sejumlah \$15.7 juta untuk membiayai Skim Pembelian Semula Padi; dan
 - Sejumlah \$8.9 juta untuk membiayai Program Pengurusan Industri Tanaman, Ternakan dan Agrimakanan.

1.2 Aktiviti Kedua di bawah Fokus Pertama, Meningkatkan Produktiviti Perkhidmatan Awam Melalui Penerapan Penggunaan Teknologi.

Dalam hasrat Negara untuk mencapai ke arah *Smart Nation* dan sebagai persediaan menghadapi *Fourth Industrial Revolution*, peruntukan secara keseluruhannya bagi Tahun Kewangan 2021/2022, di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang adalah disediakan sejumlah \$88.6 juta, dan di bawah RKN dalam Sektor Teknologi Maklumat & Info-Komunikasi disediakan sejumlah \$29.5 juta dengan Harga Rancangan \$75.3 juta.

Untuk meningkatkan efisiensi dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai, beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya adalah seperti berikut:

- ### 2.1 Sistem Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (GHRMS), disediakan sejumlah \$1.9 juta. Ianya adalah sebuah projek kerjasama di antara Jabatan Perdana Menteri dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Sistem ini akan diintegrasikan dengan projek *Treasury Accounting Financial Information System 2.0* iaitu *TAFIS Two*, bagi tujuan penyelarasan proses pengurusan sumber manusia sektor awam termasuk pembayaran gaji kakitangan dan pemberian perkhidmatan-perkhidmatan

lain secara lebih efektif dan berkesan.;

2.2 Sistem Kebajikan Negara (SKN) disediakan peruntukan sejumlah \$729 ribu. Sistem ini telah dilancarkan pada 15 Julai 2020, iaitu projek usahasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Pendidikan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Sistem ini adalah untuk mensejajarkan proses pemberian bantuan-bantuan melalui perkongsian maklumat yang dikendalikan oleh agensi-agensi berkenaan.;

2.3 Projek *Immigration and National Registration System (INRS)* di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Projek Labour Management Information System (LMIS) di bawah Jabatan Buruh. Projek ini adalah dihasratkan untuk membolehkan perkongsian maklumat dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan melalui 'People Information Hub'.;

2.4 Untuk membantu Kementerian - Kementerian dan Jabatan - Jabatan Kerajaan yang tidak mempunyai *billing system*-nya sendiri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menyediakan *One Common Billing System (OCBS)* untuk memudahkan proses kutipan hasil-hasil kerajaan. *إن شاء الله*, penggunaannya akan dilartkan secara berperingkat-peringkat seperti Lembaga Bandaran, Jabatan Kehakiman Negara, Stor Negara, Jabatan Tanah, Dewan Bahasa dan Pustaka dan lain-lain. Ke arah itu, peruntukan terus disediakan pada Tahun Kewangan 2021/2022 dengan jumlah \$2.2 juta.;

2.5 Projek *Treasury Accounting Financial Information System 2.0 (TAFIS Two)* adalah bertujuan untuk menambah baik proses-proses yang dikendalikan oleh sistem yang ada pada masa ini, termasuklah penerapan perkhidmatan dalam talian secara keseluruhannya seperti *e-payroll system*, *financial services* seperti permohonan dan pembayaran elaun - elaun; pinjaman - pinjaman perumahan dan kenderaan; dan sebagainya.

Sebagaimana yang kaola nyatakan sebentar tadi, maklumat-maklumat yang terdapat di dalam GHRMS akan digunakan bagi membolehkan perkhidmatan-perkhidmatan secara dalam talian dapat dilaksanakan. Ke arah itu, peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022 adalah disediakan sejumlah \$5.1 juta.;

- 2.6 Projek *One Common Portal (OCP)* adalah projek untuk mengintegrasikan *System for Tax Administration and Revenue Services (STARS)* di Bahagian Hasil; dan *Corporate Registry System (CRS)* di Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Projek ini dihasratkan untuk memastikan setiap syarikat "Sendirian Berhad" mematuhi Akta Cukai Pendapatan. Dengan *integration* ini, ianya membolehkan tindakan-tindakan tertentu dapat diambil oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan ke atas syarikat-syarikat yang gagal menghadapi penyata cukai tahunan masing-masing. Ke arah itu,

peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022 adalah disediakan sejumlah \$1.8 juta.;

- 2.7 Projek Menaik taraf *Brunei Darussalam National Single Window 2.0*, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang menelan belanja sejumlah \$860 ribu adalah untuk menempatkan ke semua fungsi dan proses ke dalam satu platform yang sebelum ini dilaksanakan dalam sistem *e-Customs*. Ini termasuklah mengintegrasikan dengan sistem *Quay Crane* di Pelabuhan Muara bagi membolehkan *risk profiling* dilakukan ke atas setiap barangan yang datang ke Negara Brunei Darussalam.;
- 2.8 Menambah baik sistem *Vehicle Exit-Entry System (VES)* di bawah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, yang menelan belanja sejumlah \$227 ribu, iaitu berikutan dengan berkuat kuasanya Perintah Caj Keluar dan Masuk, 2020 atau *Exit and Entry Charges Order, 2020*. Bermula 1 Oktober 2020, setiap kenderaan dan orang ramai yang berhasrat untuk melintasi pos-pos kawalan darat di negara ini adalah dimestikan untuk mendaftarkan kenderaan

dan penumpang masing-masing melalui sistem ini.;

2.9 Centralised *Data Management System (CDMS)*

yang menelan belanja sejumlah \$1.2 juta, adalah untuk mengumpul maklumat-maklumat yang terdapat di jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi memudahkan penggubalan dasar di samping mengongsikan maklumat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi tujuan tertentu.;

2.10 Projek Sistem *e-Census* bagi Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 di bawah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, adalah untuk membolehkan pengumpulan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai jumlah penduduk dan keluarga termasuk isi rumah serta ciri-ciri demografik, sosial dan ekonomi penduduk; jumlah dan ciri-ciri perumahan termasuk kemudahan-kemudahan isi rumah melalui platform digital. Ke arah itu, peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022 adalah disediakan sejumlah \$2.2 juta.;

2.11 Di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, peruntukan disediakan sejumlah \$5.4 juta dengan Harga Rancangan \$26 juta untuk membiayai projek-projek di bawah RKN seperti berikut:

i. *National Centralised Database* sejumlah \$1.8 juta. Projek ini bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan *database* yang lebih cepat dan kos efektif melalui satu platform yang akan memudahkan integrasi maklumat, meningkatkan aktiviti perkongsian dan penyatuan maklumat; dan

ii. Pusat Data Kerajaan dan Infrastruktur '*Cloud*' disediakan sejumlah \$3.6 juta. Projek tersebut adalah bagi menaik taraf dan mengembangkan infrastruktur pusat data kerajaan khususnya bagi menampung keperluan sumber-sumber pengkomputeran bagi aplikasi dan perkhidmatan dalam talian kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

2.12 Penaiktarafan sistem *BRUHIMS* di bawah kawalan Kementerian Kesihatan

disediakan sejumlah \$4.98 juta yang mana projek ini adalah berkonsepkan Satu Pesakit, Satu Rekod (*One Patient One Record*) yang bertujuan untuk memperkemas dan meningkatkan kecekapan pengurusan data maklumat pesakit. Projek ini memperkenalkan modul *Picture Archiving and Communication System (PACS)* iaitu sistem pengurusan imej pesakit yang mana akan dapat meningkatkan efisiensi dan kualiti penjagaan pesakit dengan penyimpanan yang selamat dan akses yang mudah dan ketersediaan maklumat.;

- 2.13 Projek Menaik taraf Infrastruktur Rangkaian sekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan disediakan sejumlah \$1.9 juta. Projek ini bertujuan untuk memastikan infrastruktur rangkaian di sekolah-sekolah kerajaan adalah berkualiti, stabil, *reliable* dan selamat bagi mendukung ke arah keberkesanan penggunaan ICT dalam proses pembelajaran, pengajaran dan pentadbiran serta perkhidmatan e-Kerajaan secara menyeluruh di sekolah-sekolah kerajaan.;

- 2.14 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah memperkenalkan Sistem e-Undi sebagai penambah-baikkan proses pengundian dan pemilihan calon-calon Penghulu Mukim dan Ketua Kampong dengan menggunakan sistem pengundian dalam talian (*on-line voting*), sebagai alternatif tambahan kepada kaedah konvensional. Sistem ini akan menganalisa pengundian tersebut dan seterusnya dapat mengeluarkan keputusan dengan lebih efisien dan cepat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1.3 Aktiviti Ketiga di bawah Fokus Pertama, iaitu Memperkukuhkan Kedudukan Fiskal Kerajaan.

Penguatan fiskal Kerajaan akan tetap menjadi keutamaan dan hanya dapat dicapai dengan adanya dasar berhemat dalam mengurus belanjawan dan kewangan Negara. Bagi mendukung dasar ini, perbelanjaan Kerajaan perlu dikawal mengikut tahap hasil pendapatan yang dijangka diperolehi bagi mengelakkan daripada mengalami defisit belanjawan secara berterusan.

Walau bagaimanapun, pendekatan *balanced approach* perlulah diambil agar usaha-usaha kerajaan untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi (*economic diversification*), mengukuhkan sektor swasta dan memperluaskan asas pendapatan negara (*widening revenue base*) tidak terhalang.

Bagi mendukung aktiviti ini, dan sebagaimana yang pernah kaola bentangkan semasa sesi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas, inisiatif-inisiatif di bawah Program *Fiscal Consolidation (FCP)* sejak ianya diperkenalkan dalam Tahun Kewangan 2018/2019 perlulah diteruskan dan memerlukan kerjasama padu kementerian dan jabatan-jabatan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, hasil pencapaian dari inisiatif-inisiatif di bawah FCP ini akan memberi impak yang positif kepada kedudukan fiskal kerajaan dalam beberapa tahun mendatang.

Kaola sukacita mengongsikan beberapa pencapaian di bawah Program *Fiscal Consolidation* yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian-Kementerian yang berkenaan iaitu:

i. Pengkorporatan Jabatan Percetakan Kerajaan pada 1 Julai 2020 kepada Syarikat

Print Plus Sdn. Bhd. إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan pengkorporatan ini juga, perkhidmatan yang sebelum ini hanya ditumpukan untuk kementerian - kementerian dan jabatan - jabatan kerajaan sahaja, dapat dibukakan kepada orang awam dan swasta. Ini akan dapat meningkatkan penghasilan kepelbagaian produk-produk dan perkhidmatan.;

Walau bagaimanapun, beberapa cabaran telah dihadapi dalam melaksanakan pengkorporatan ini, antara lainnya seperti penyerapan beberapa orang pegawai dan kakitangan ke dalam syarikat berkenaan, kos sebenar operasi percetakan dan sebagainya;

ii. Pelaksanaan *Facilities Management* ke atas aset-aset di bawah kawalan Kementerian Pendidikan yang merangkumi institusi-institusi pendidikan rendah dan menengah, telah berjaya menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selesa dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak kira-kira \$6.8 juta setahun, di samping berjaya menjana 260 pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

- iii. Inisiatif *Scan Eat* di bawah Kementerian Pertahanan untuk menggantikan kontrak *ration* bagi Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada perkhidmatan katering (*pooled caterers*) telah berjaya meningkatkan efisiensi dalam pengurusan pengagihan makanan dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan sejumlah \$1.4 juta setahun.
- iv. Pengenalan Perintah Caj Keluar dan Masuk, 2020 atau *Exit and Entry Charges Order, 2020* bermula 1 Oktober 2020 di pos-pos kawalan darat adalah untuk menyelaraskan caj-caj perkhidmatan yang dikenakan di pelabuhan-pelabuhan dan Lapangan Terbang Antarabangsa.
- v. Pelaksanaan *One Common Billing System* yang kaola terangkan sebentar tadi, adalah dihasratkan untuk memudahkan pemantauan dan pembayaran bil-bil kerajaan. Pada masa yang sama, ianya dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan berbanding jika sistem - sistem *billing* disediakan secara berasingan.
- vi. Program *Local Contract Teachers* iaitu program jangka panjang Kementerian Pendidikan untuk membangun kapasiti tenaga pengajar tempatan yang berkualiti untuk mengajar Bahasa Inggeris dan Matematik di beberapa sekolah rendah dan menengah. Mereka ini akan mengambil alih tugas-tugas yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar dari luar negara bermula tahun 2024, dan dijangka akan menjimatkan kerajaan kira-kira \$6 juta setahun.
- vii. Beberapa projek juga telah dilaksanakan bersama dengan *Government-Linked Companies* antaranya adalah pembekalan ubat-ubatan untuk keperluan Kementerian Kesihatan melalui *outsourcing* kepada Syarikat Royal Brunei Technical Services (RBTS). Ianya dihasratkan untuk mempertingkatkan kualiti dan kecekapan dalam pengurusan rantaian perbekalan perubatan serta memberikan penjimatan kepada pihak Kerajaan melalui pengurusan perbekalan ubat-ubatan yang lebih efisien.
- اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, berikutan dengan pencapaian-pencapaian yang kaola nyatakan tadi, kerajaan akan sentiasa mengemas kini dasar-dasar ke arah pemberian perkhidmatan yang berkualiti dengan penggunaan peruntukan secara optimum. Di samping itu, usaha-usaha untuk menggalakkan pelaksanaan

projek-projek melalui kaedah *Public-Private Partnership (PPP)* perlu dipertingkatkan sama ada melalui usaha sama atau *partnering* antara kerajaan dengan *GLCs*, syarikat-syarikat swasta, *foreign direct investment (FDI)*. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber kewangan pihak kerajaan, mewujudkan peluang pekerjaan baharu bagi penduduk tempatan dan memperkembangkan potensi sektor swasta dan perniagaan di negara ini.

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri di atas keprihatinan dan kerjasama yang diberikan dalam sama-sama menjayakan *Program Fiscal Consolidation* ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2. Fokus Belanjawan Kedua: Penyediaan Kemudahan dan Infrastruktur yang Mampan (*Sustainable*) dan Berdaya Tahan (*Resilient*) untuk Kesejahteraan Awam dan Perkembangan Ekonomi.

Keutamaan ini adalah untuk menyediakan bantuan-bantuan dan infrastruktur yang mendukung kepada kesejahteraan awam dan aktiviti - aktiviti perdagangan, perekonomian dan pelaburan termasuklah infrastruktur *ICT*.

Ke arah itu, beberapa peruntukan di bawah RKN telah disediakan seperti berikut:

1. Bagi pengukuhan daya tarikan dan mempelbagaikan produk-produk pelancongan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan, peruntukan sejumlah \$1.5 juta adalah disediakan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan sejumlah \$2.8 juta di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Pengukuhan Produk dan Pakej Pelancongan di Kampong Ayer.;
2. Untuk mengukuhkan infrastruktur Sektor Pengangkutan dan Perhubungan, peruntukan disediakan sejumlah \$34 juta dengan Harga Rancangan \$99 juta bagi melaksanakan beberapa projek infrastruktur di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei termasuk Membaik pulih Landasan Fasa 2 dan Peningkatan Peralatan Pemeriksaan dan Sistem Pengawasan Keselamatan.
3. Di bawah projek untuk menyediakan infrastruktur sekolah-sekolah dan universiti-universiti, peruntukan di bawah RKN adalah disediakan secara keseluruhannya berjumlah \$41.6 juta dengan Harga Rancangan \$232.5 juta bagi membiayai projek-projek seperti berikut:

- Pembinaan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong.;
 - Bangunan Universiti Teknologi Brunei (UTB) Fasa Empat khusus untuk *School of Applied Sciences and Mathematics*.;
 - Kampus baharu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).;
 - Membina Kampus Baharu Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).;
 - Membina Sekolah Persediaan Arab Ugama di Perumahan Negara Kampung Rimba.;
 - Pembinaan Bangunan baru bagi Sekolah Ugama di Kampung Kiulap dan di Kampung Bolkiah.
4. Untuk meningkatkan pemilikan rumah sebagai keperluan asasi rakyat, beberapa peruntukan telahpun disediakan di bawah Sektor Perumahan Negara di bawah RKN yang keseluruhannya berjumlah \$70 juta dengan Harga Rancangan \$315 juta untuk membiayai projek-projek antaranya Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa Kedua dan Kampung Tanah Jambu Fasa Ketujuh.;
5. Untuk menaik taraf sistem bekalan tenaga elektrik termasuk meningkatkan talian rangkaian di negara ini, beberapa peruntukan juga disediakan secara keseluruhannya berjumlah \$86 juta dengan Harga Rancangan \$316 juta di bawah Sektor Elektrik.;
6. Sejumlah \$42.5 juta dengan Harga Rancangan \$1.17 bilion adalah disediakan bagi menaik taraf jalan raya; sejumlah \$58 juta dengan Harga Rancangan \$216 juta disediakan bagi pengurusan bekalan air dan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf sistem bekalan air; dan sejumlah \$12.4 juta dengan Harga Rancangan \$60.3 juta disediakan bagi pengurusan saluran termasuk kerja-kerja Pencegahan Banjir dan Kerja-Kerja Pembaikan / Menaik taraf Pembetulan dan Saliran.;
7. Bagi Sektor Kesihatan pula, peruntukan-peruntukan seperti berikut telah disediakan:
- i. Sejumlah \$6.2 juta di bawah RKN dengan Harga Rancangan \$19.8 juta, antaranya untuk membiayai projek-projek seperti Membina Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong - Blok Penjagaan Kesihatan Asasi; dan Membina *National Isolation Centre Laboratory for National TB Reference Laboratory and Virology Service*; dan
 - ii. Manakala, di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang, peruntukan sejumlah \$152.2 juta disediakan secara

keseluruhannya antara lainnya untuk membiayai perbelanjaan:

- Pembekalan ubat-ubatan, barang-barang guna habis, dan keperluan ujian-ujian makmal keseluruhannya berjumlah \$99.6 juta di bawah Kementerian Kesihatan.;
- Pembayaran perkhidmatan perubatan di *Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC)* dan *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (GJPMC)* sejumlah \$30 juta di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.; dan
- Sejumlah \$20 juta disediakan untuk menangani wabak penyakit berjangkit termasuk pembelian vaksin *COVID-19*.

Di samping kemudahan-kemudahan yang kaola nyatakan tadi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat akan golongan yang kurang berkemampuan. Ke arah itu, peruntukan sejumlah \$14 juta adalah disediakan di bawah Program Bantuan Kebajikan Bulanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di samping itu, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) seperti lazimnya juga ada memberikan bantuan kepada golongan-golongan yang berkenaan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

dengan pelaksanaan Sistem Kebajikan Negara, Kerajaan akan dapat memberikan bantuan secara *mean-tested* dengan pengintegrasian maklumat-maklumat yang ada. Ini bermakna, sistem berkenaan akan dapat mengenalpasti pemohon-pemohon yang sebenar-benar layak untuk diberi bantuan dan juga jenis-jenis bantuan yang diperlukan oleh pemohon tersebut.

Dalam membantu pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan, sejumlah \$1.5 juta adalah disediakan di bawah Skim Miftaahun Najaah. Bantuan ini adalah berupa *'in-kind'* seperti pakaian seragam sekolah, buku kerja, alat tulis dan yuran sekolah. Kerajaan dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassan al-Bolkiah dan Majlis Ugama Islam Brunei akan menyelaraskan pemberian ini bagi mengelakkan duplikasi dan seterusnya mengelakkan ketirisan.

Satu lagi inisiatif dalam menjaga kesejahteraan awam khususnya setelah persaraan ialah untuk memastikan kedayatahanan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP). Sebagai usaha berterusan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersama-sama dengan Lembaga dan Pengurusan TAP sejak tahun 2019 telah meneliti beberapa cadangan penambahbaikan yang mana dihasratkan untuk diselesaikan dalam masa yang terdekat, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Apa jua cadangan perlu diteliti dengan sehalus-halusnya kerana ia akan memberi impak kepada ahli-ahli, majikan, dan kedayatahanan dana TAP.

Dalam usaha untuk memperkembangkan dan mempertingkatkan serta menegakkan syiar Agama Islam, sejumlah \$13.7 juta dengan Harga Rancangan \$30 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan masjid-masjid di seluruh Negara. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, sumbangan pihak awam ke dalam Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid juga telah digunakan untuk membantu dalam membiayai pembinaan dan pemeliharaan beberapa buah masjid.

Ke arah usaha untuk mengembang dan menyebarkan lagi ilmu dan amalan menghafaz Al-Quran, program bagi melahirkan ramai lagi penghafaz dan pengamal hafazan Al-Quran di kalangan orang ramai akan diteruskan. Bagi maksud tersebut, peruntukan bagi Elaun Tasmie' akan terus disediakan sejumlah \$1.4 juta. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, pada tahun 2020, seramai 256 calon telah lulus Ujian Tasmie' menghafaz Al-Quran dalam kategori hafazan 10 juz, 20 juz dan 30 juz.

Bagi mendukung dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam melalui transformasi digital, satu pelan induk telah diperkenalkan oleh Majlis Ekonomi Digital iaitu Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 (*Digital Economy Masterplan*). Pelan induk berkenaan adalah memfokuskan kepada pelaksanaan projek di bawah sembilan kluster yang dikenal pasti yang akan menghasilkan impak signifikan ke atas pertumbuhan ekonomi seperti Kluster Logistik dan Pengangkutan; Tenaga; Sektor Perniagaan; Pelancongan;

Perkhidmatan Kewangan; Kesihatan; Agri-makanan; Pendidikan; dan Halal.

Dalam mendukung pelan ini, beberapa inisiatif lain juga telah dilaksanakan antara lainnya adalah seperti berikut:

1. Dalam mengembangkan industri telekomunikasi dan untuk menjadi pesaing *Hab ICT* di rantau Asia, *Unified National Networks (UNN)* telah bekerjasama dengan DE-CIX, iaitu sebuah syarikat terkemuka di Jerman dalam pengendalian *Internet Exchange* untuk mewujudkan *Borneo Internet Exchange (Borneo-IX)*. *Borneo IX* merupakan pertukaran internet antarabangsa yang pertama di Brunei dan Pulau Borneo. Melalui kerjasama ini, ianya dihasratkan untuk mewujudkan peluang baru perniagaan di samping menarik minat syarikat antarabangsa sekaligus menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai lokasi pilihan untuk aktiviti perniagaan dan pelaburan.;
2. Bagi memastikan keselamatan ke atas rangkaian telekomunikasi negara, *Cyber Defence Centre* telah ditubuhkan pada bulan Disember 2020. Penubuhan pusat ini adalah dengan kerjasama rakan kongsi antarabangsa dalam *Cyber Intelligence* serta pemberian latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kapasiti sumber tenaga manusia *Unified National Networks*. Antara akitiviti yang dilaksanakan termasuklah memantau trafik keluar

dan masuk Internet; pembangunan strategi dan pendekatan pertahanan, analisis Big Data yang didukung oleh keupayaan *Artificial Intelligence* serta bekerjasama dengan agensi-agensi Siber yang relevan di Negara Brunei Darussalam.;

3. Sejak penggabungan infrastruktur rangkaian telekomunikasi di bawah Syarikat UNN, beberapa peningkatan dan penambahbaikan telah pun diperkenalkan seperti berikut:

i. Peningkatan kapasiti *Fixed Broadband data* bagi memudahkan kelancaran pembelajaran secara talian pada bulan April 2020 dengan memastikan '*educational traffic*' akan sentiasa ada. Sejak bulan Januari 2020, sebanyak 27,000 penyambungan *customer connections* dan sebanyak 7,118 *home pass* bagi *fibres* telah pun dilaksanakan oleh UNN. Ini meningkatkan *fixed broadband rate Negara Brunei Darussalam* dari 51.1 peratus kepada 69.8 peratus.;

ii. Menyediakan sambungan *Broadband* yang berkelajuan tinggi kepada semua lokasi kuarantin sebagai sokongan kepada usaha dan inisiatif Kerajaan semasa pandemik global *COVID-19*.;

iii. Memperkenalkan Rangkaian *Single RAN (SRAN)* pada bulan September 2020 yang akan

dapat meningkatkan kapasiti penggunaan talian *mobile* hingga 5 kali ganda di setiap lokasi.;

iv. Syarikat UNN telah mula meningkatkan liputannya dengan pelancaran fibre di kawasan luar bandar di mana dijangkakan sejumlah 6,000 *home passes* akan dapat dibekalkan pada bulan Mac 2022.

4. Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah mula melaksanakan Projek *National Coastal Surveillance System* yang bertujuan untuk memantau dan mengawasi keselamatan luar dan persisiran pantai termasuk Sungai Brunei.;

5. Dalam memastikan keselamatan siber adalah terjamin, *Cyber Security Brunei (CSB)* telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2020, iaitu sebagai sebuah agensi keselamatan siber kebangsaan untuk memantau dan menyelaraskan usaha negara dalam menangani ancaman keselamatan dan jenayah siber.;

Ke arah mendukung perkembangan industri di negara ini, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga memainkan peranan yang penting antara lainnya seperti berikut:

i. Mendapatkan hak tanda dagangan (*trademark*) bagi Brunei Halal Certification Mark dan

mendaftarkannya di negara-negara sasaran yang mempunyai pasaran eksport Halal yang berpotensi. Selain daripada meningkatkan akses pasaran, inisiatif ini juga akan dapat melindungi Brunei Halal Certification Mark daripada disalahgunakan.; dan

- ii. Menyediakan *Business Reporting Portal* untuk pengumpulan maklumat perniagaan bagi kegunaan bersama agensi-agensi kerajaan sebagai penanda aras dalam perancangan strategi bagi pembentukan atau reformasi dasar. Inisiatif ini juga akan meningkatkan tahap *Corporate Governance* syarikat-syarikat tempatan yang mana ianya boleh memberi peluang untuk mendapat sumber kewangan (dari pinjaman bank atau melalui *Capital*) bagi tujuan perkembangan operasi syarikat.

Dalam mendukung perkembangan ekonomi dan perdagangan antarabangsa khususnya bagi meningkatkan eksport negara dan memperluaskan pasaran produk-produk keluaran domestik, Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership, RCEP*) iaitu perjanjian perdagangan bebas yang terbesar di dunia merangkumi sejumlah 2.2 bilion penduduk, telah dimeterai pada 15 November 2020. Dengan pelaksanaan perjanjian ini nanti, akses pasaran akan menjadi lebih meluas bagi produk-produk negara dan setentunya akan dapat mengembangkan lagi sektor perindustrian di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing untuk menjana *economic spin-off* dan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Sejak beberapa tahun lalu, beberapa projek telah memulakan operasinya iaitu dengan nilai pelaburan sebanyak US\$ 4.7 bilion dan telah menjana kira-kira 3,100 peluang pekerjaan. Di antara projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

1. Loji Penapisan Minyak & Kraker Aromatik: Fasa 1, Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd telah mencapai jumlah pengeksportan sebanyak 9.46 juta tan metrik produk-produk petrokimia bernilai US\$4.08 bilion, yang telah dieksport ke negara-negara Australia, Republik Rakyat China, Filipina, Malaysia, Singapura dan lain-lain.;
2. Projek Loji Ammonia dan Urea yang dikendalikan oleh *Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd (BFI)* yang akan mula menghasilkan urea sebanyak 3,900 metrik tan sehari bermula suku ketiga tahun 2021.;
3. Syarikat Barramundi Asia bagi pengeluaran ikan barramundi kini sedang dalam fasa pembinaan *land nursery* di Pusat Perkembangan Induk (*Broodstock Development Centre – BDC*), Serasa, yang dijangka akan mula beroperasi pada suku

kedua tahun 2021. Jumlah pengeluaran ikan barramundi adalah dijangka akan mencapai 40,000 metrik tan setahun bermula tahun 2030.;

4. Brunei Methanol Company (BMC) merupakan syarikat usahasama di antara Mitsubishi Gas Chemical (Jepun), Itochu Group (Jepun) dan PB Petrochemical Co. Sdn Bhd (Brunei) yang melibatkan pembinaan loji pengeluaran methanol di Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2020, jumlah pengeksportan methanol oleh syarikat ini adalah 702 ribu tan metrik yang berjumlah US\$ 137.5 juta.;
5. *Polygel Organometallic (B) Sdn Bhd* yang menghasilkan dan mengeksport produk-produk kimia khas (*speciality chemicals*) termasuk *organic titanates anti-oxidant* dan *catalyst* kepada pelanggan Polygel Industries yang sedia ada di 40 buah negara termasuk Amerika Syarikat, negara-negara Eropah dan Asia, dengan pelaburan sejumlah US\$ 9.2 juta.;
6. Syarikat HLDS (B) Steel Sdn Bhd bagi pembuatan paip besi keluli. Syarikat ini dijangka akan menghasilkan pengeluaran sebanyak 100,000 tan setiap tahun.;
7. Syarikat Tavelmout Biofarm (B) Sdn Bhd dengan jumlah pelaburan sebanyak US\$ 13.8 juta, telah menghasilkan 145 kilogram spirulina dan mengeksport ke negara Jepun.

Di samping projek-projek yang kaola nyatakan tadi, terdapat beberapa buah projek FDI baru yang sedang dalam fasa pelaksanaan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2021 hingga tahun 2023, antaranya Guangxi Ruian Logistics (Group) Company, Ltd bagi pusat operasi dan pemprosesan dan pemasaran Rempah Global (Fasa Pertama) iaitu rempah-rempah yang diimport akan ditambah nilai dengan menggunakan jenama 'bruneihalalbrand' bagi pasaran luar negeri; Projek Pure Salmon yang akan diurus dan dikendalikan oleh 8F Asset Management (Singapura) bagi penternakan ikan *land-based Atlantic Salmon* di Negara ini; ISE Foods Inc bagi menternak dan menghasilkan telur ayam untuk pasaran eksport; EVYD Technology Sdn Bhd (Yidu Cloud) Hub Global dalam mengurus dan memelihara 'Big Data' bagi pengawalan penyakit berjangkit dan dihasratkan untuk menempatkan Negara Brunei Darussalam sebagai ibu pejabat antarabangsa dan Lautan Timur Product Sdn Bhd bagi memajukan ternakan tiram (*oyster*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

3. Fokus Belanjawan Ketiga: Menjana Sumber Manusia yang Kompeten dan *Employable*.

Dalam menangani isu-isu pengangguran, kerajaan melalui *Manpower Planning and Employment Council* akan terus melaksanakan dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif '*Whole of Nation Approach*' untuk

meningkatkan *marketability* dan *employability* anak-anak tempatan dan seterusnya menurunkan kadar pengangguran negara ini. Pada penghujung tahun 2020, dengan pengumpulan *administrative data*, kadar pengangguran adalah dianggarkan sebanyak 4.2% berbanding 6.8% iaitu hasil dapatan *Labour Force Survey* bagi tahun 2019. Walau bagaimanapun, anggaran kadar pengangguran tersebut, adalah tertakluk juga kepada hasil dapatan *Labour Force Survey* bagi tahun 2020, yang pada masa ini masih dikendalikan oleh pihak Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES).

Di antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah keutamaan ini adalah seperti berikut:

1. *Manpower Planning and Employment Council* atau *MPEC* yang berperanan untuk memastikan perancangan sumber manusia yang efektif dengan pensejajaran kebolehterkerjaan ke arah menangani pengangguran di negara ini, telah melaksanakan beberapa inisiatif sebagai kesinambungan kepada inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan, seperti berikut:

i. Mengumpulkan maklumat unjuran keperluan tenaga manusia bagi lima tahun ke hadapan, termasuk jenis, jumlah pekerjaan dan tempoh bila ianya diperlukan bagi membuat perancangan perbekalan tenaga manusia secara sektoral, mengikut keperluan industri

masing-masing. MPEC akan terus bekerjasama dengan agensi-agensinya yang berkepentingan termasuk kementerian-kementerian, pihak pengawal selia dan para industri. Melalui kolaborasi ini, dianggarkan sebanyak 14,000 peluang pekerjaan telah pun dikenal pasti bagi tahun 2021 sehingga 2025 di beberapa sektor.;

ii. Penubuhan *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* yang bertindak sebagai platform untuk bekerjasama dengan *industry players*, pengawal selia dan institusi-institusi yang lain. Setakat ini, MISC telah mengenal pasti 40 jenis *Critical Occupations* dan dengan kerjasama pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei atau IBTE; dan Politeknik Brunei di Kementerian Pendidikan, MISC telah pun melancarkan 6 buah program peningkatan kapasiti yang baru. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, beberapa program baru juga akan diperkenalkan di masa yang akan datang.;

iii. MPEC melalui *JobCentre* Brunei telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk *proactive job matching*, mengadakan acara-acara seperti *Recruitment Fair*, *Institution Outreach* dan *Mukim Connect* bagi memastikan pencari kerja tempatan berdaftar ke *JobCentre* agar mereka dapat dipadankan ke peluang pekerjaan dan latihan yang ada. Pada tahun

2020, sebanyak 80 sesi pemberigaan telah diadakan yang mana telah dikunjungi oleh lebih dari 8,000 orang. JobCentre juga mengadakan sesi *walk in interview* secara berkala di mana 141 sesi temuduga telah diadakan dan telah membukakan peluang temuduga kepada lebih dari 3,000 orang pencari kerja tempatan. Pada penghujung tahun 2020, sebanyak 4,304 (65%) jawatan kosong telah berjaya diisikan oleh anak tempatan dari 6,642 jawatan kosong yang diiklankan di *JobCentre* Brunei.;

- iv. Menyentuh mengenai pengambilan pekerja tempatan secara keseluruhan di kesemua sektor pula, bagi tahun 2020, MPEC telah mensasarkan sebanyak 12,355 peluang pekerjaan untuk diisikan oleh anak tempatan. Pada penghujung tahun 2020, sebanyak 12,763 peluang pekerjaan telah berjaya diisikan oleh anak tempatan iaitu melebihi daripada sasaran. Dari jumlah tersebut, seramai 10,561 anak tempatan mendapat pekerjaan di sektor swasta, yang mana seramai 8,480 iaitu 80 peratus adalah dari kalangan belia;
- v. Pada tahun 2020, MPEC juga telah melancarkan program perantisan *i-Ready* ke peringkat Diploma Tahap 5 dan juga peringkat TVET. Sejak program perantisan diperkenalkan pada tahun 2017 sehingga 28 Februari 2021,

seramai 4,040 graduan telah mengikuti program ini dimana 3,424 orang terdiri daripada graduan di peringkat sarjana muda dan ke atas, 331 adalah pemegang Diploma Tahap 5 dan 285 pemegang kelulusan TVET. Dari jumlah tersebut, 1,175 perantis telah mendapatkan pekerjaan iaitu 79 peratus dari jumlah 1,488 perantis yang sama ada telah selesai menjalani program perantisan atau mendapat tawaran pekerjaan sebelum tamat tempoh perantisan mereka;

- vi. Memperkenalkan *SkillsPlus* yang bertujuan untuk memberikan anak tempatan yang belum bekerja mahupun mereka yang berada di peringkat *mid-career* di syarikat swasta, dengan peluang untuk berkursus iaitu *upskilling* dan *reskilling* ke arah mendukung pertumbuhan sektor swasta. MPEC telah bekerjasama dengan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan dalam menyediakan latihan-latihan tertentu seperti latihan dalam talian (*online training*) dan juga hands on training. Setakat 1 Mac 2021, program ini menawarkan sebanyak 180 kursus di dalam 10 bidang dan seramai 569 anak tempatan telah memohon untuk mengikuti program ini.
- vii. Bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan agensi-agensinya berkepentingan yang lain untuk menangani isu

pengangguran di kalangan *vulnerable group* khususnya mereka yang *able bodied* dan *abled to work*. Setakat 28hb Februari 2021, seramai 1,610 dari 3,518 orang dari golongan *vulnerable group* telah mendaftar ke *JobCentre* Brunei. Seramai 873 telah mendapat pekerjaan bagi mereka yang berdaftar dengan *Job Centre* Brunei (JCB) dan melalui proram-program yang diperkenalkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan seperti Tekad, Pelan Pekerjaan dan lain-lain.

2. Kementerian Pendidikan melalui *IBTE* telah memperkenalkan program *iSkill™ Programmes* yang memfokuskan kepada industri minyak dan gas; *Life Skills for Professional Development (LSPD 2.0)* yang telah dilartakan bagi semua *IBTE* program termasuk *HNTec*, *NTec* dan *ISQ*; dan *TVET Academy* bagi menyediakan kemudahan latihan dan *instructional content & delivery* untuk semua tenaga pengajar serta menyelaras dan memudahkan kursus pembangunan profesional.;
3. Politeknik Brunei dengan kerjasama pihak-pihak industri serta *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* telah meneroka program-program baru bagi memenuhi kehendak industri. Di antara program-program berkenaan adalah Program Diploma Tahap 5 dalam bidang Sains Kesihatan,

Kejuruteraan, Teknologi Petrokimia dan *ICT*;

Satu Memorandum Persefahaman antara Politeknik Brunei (PB) dan *Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd* telah ditandatangani pada 13 Mac 2021 bagi merasmikan kolaborasi dalam perancangan dan pelaksanaan sebanyak tujuh buah program Diploma Tahap 5, iaitu *Laboratory Technology*, *Chemical Engineering*, *Thermal Power Plant Technology*, *Water Treatment Technology*, *Chemical Equipment Technology*, *Power Plant & Power System Technology*, dan *Storage and Transportation Technology*. Kesemua program tersebut dirancang untuk bermula pada bulan Julai 2021, kecuali Program *Laboratory Technology* dan program *Chemical Engineering* yang mana masing-masing telah pun bermula pada Julai 2020 dan Januari 2021 ini. Seramai 85 orang pelajar kini sedang mengikuti program ini dan *Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd* telahpun memberikan *Conditional Offer of Employment* iaitu tawaran pekerjaan setelah lulus menjalani program pembelajaran selama 3 tahun tersebut, menurut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kesemua program-program ini adalah hasil daripada perbincangan yang telah dilaksanakan sejak awal tahun 2020 di antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Tenaga dan *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*. Program-program ini dijangka akan menghasilkan seramai

210 orang graduan setiap tahun mulai tahun 2024.;

4. Sebagai persediaan dalam menghadapi era *Industrial Revolution (IR) 4.0*, institusi-institusi pendidikan tinggi di Negara ini telah menawarkan kursus baru yang berkaitan dengan *IT*, iaitu:

- Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menawarkan program *Digital Science* yang mengandungi empat (4) jurusan utama iaitu *Computer Science, Data Science, Artificial Intelligence and Robotics*, dan *Cyber Security and Forensic*;
- UTB dan Huawei Technologies (B) Sendirian Berhad telah bergabung untuk menubuhkan Akademi *ICT* di Negara Brunei Darussalam sebagai sebahagian daripada inisiatif global Huawei untuk menyokong pengembangan kemahiran *ICT*.
- *Shell Deepwater Borneo Ltd (Shell)* dan Syarikat BSP telah memulakan inisiatif bersama UTB iaitu *Artificial Intelligence (AI): Gift to the Nation* yang berpotensi untuk mendukung program penyelidikan yang dapat dimanfaatkan di seluruh negara, bukan hanya dalam industri tenaga, tetapi juga pada topik seperti keselamatan jalan raya, sains dan teknologi pertanian makanan, teknologi hijau dan sumber air.

5. Di samping itu, kerajaan juga melaksanakan beberapa inisiatif bersama syarikat-syarikat *GLCs* dan swasta seperti berikut:

- i. Sejak tahun 2014, Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd, dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Zhejiang Universiti, Republik Rakyat China telah pun menawarkan biasiswa bagi pelajar-pelajar menjalani Program Ijazah Sarjana Muda dalam *Chemical and Process Engineering*. Setakat ini, seramai 103 orang anak tempatan telah mengikuti program tersebut, yang mana, daripada jumlah tersebut seramai 68 orang pelajar sudahpun menamatkan pengajian dan sedang bekerja di *Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd.*;
- ii. Mulai tahun 2018, *Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd* dengan kerjasama Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Politeknik Lanzhou, Republik Rakyat China, turut menawarkan biasiswa bagi pelajar-pelajar menjalani Program Diploma Kebangsaan Tertinggi (HND) dalam *Chemical and Process Engineering*. Setakat ini, seramai 100 orang anak tempatan sedang mengikuti program tersebut yang berjalan selama 3 tahun. Seramai 31 pelajar dijangka akan menamatkan pengajian mereka pada tahun 2021 dan akan mula berkhidmat di Syarikat

- berkenaan. Pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd pada masa ini juga sedang dalam perancangan untuk menawarkan tambahan program *Control & Automation Engineering* mulai Julai 2021 ini.;
- iii. Program i-Usahawan yang mana merupakan kerjasama berama Syarikat *Brunei Shell Joint Ventures (BSJV)* berhasrat untuk memupuk dan menanai semangat keusahawanan di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan.
- iv. *Darussalam Enterprise (DARE)* telah memberikan latihan keusahawanan menerusi *Industry Business Academy (IBA)*, *Accelerate* dan *Micro Bootcamp* kepada hampir 8 ribu peserta. Program *Accelerate* dan *Micro Bootcamp* telah berjaya menjana sekitar 256 *startups* dan 609 pekerjaan. *Angel Investors* tempatan dan serantau telah melabur secara kolektif sebanyak BND 2.20 juta kepada 23 buah *startups*.
- v. DARE juga telah berjaya membantu 15 buah perusahaan untuk mendapatkan pensijilan-pensijilan ISO seperti berikut:
- a. ISO 22000 (pensijilan keselamatan makanan) kepada 2 buah syarikat.;
 - b. ISO 22716 (pensijilan kosmetik) kepada sebuah syarikat.;
 - c. Pensijilan *Good Manufacturing Practice (GMP)* kepada 3 buah syarikat.;
 - d. ISO 9001 (pensijilan *Quality Management System*) kepada 9 buah syarikat.
- vi. Program AgroBiz yang menyokong Skim Usahawan Ladang Padi AgroBiz di bawah Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) untuk membekalkan usahawan-usahawan pertanian muda dengan ilmu pengetahuan teknikal dan kemahiran usahawan pertanian dalam penanaman padi. Program ini diusahakan atas sokongan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); *Darussalam Enterprise (DARE)*; *Syarikat PaddyCo Sdn Bhd*; Progresif Cellular Sdn. Bhd.; dan Community for Brunei, BSP menerusi *LiveWIRE* Brunei.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat

Hasil daripada pelaburan kerajaan serta usaha gigih tenaga pengajar di Sektor Pendidikan dan sumbangan dari sektor swasta, beberapa pencapaian telah pun diperolehi oleh institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini di tahun 2020 iaitu:

- a. UBD buat julung kalinya telah berjaya meraih kedudukan ke-60 di Asia dalam *carta The Times Higher Education (THE)*;
- b. UTB telah berjaya meraih kedudukan ke 137 dalam *QS (Quacquarelli Symonds) Asia University Rankings*, dan menjadikan UTB antara 150 buah universiti teratas di Asia.; dan
- c. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah sekali lagi memperolehi anugerah kewangan Islam global bagi kategori Anugerah Kepimpinan Pasaran (GIFA).

Negara Brunei Darussalam telah memperolehi skor indeks 0.63 dalam laporan Indeks Modal Insan (Human Capital Index - HCI) Bank Dunia 2020 iaitu di tempat ketiga di Asia Tenggara, selepas Singapura (0.88) dan Viet Nam (0.69). Indeks ini memberikan indikasi bahawa seorang anak yang dilahirkan hari ini di negara ini akan menjadi 63 peratus produktif setelah dewasa jika memperolehi pendidikan yang lengkap dan kesihatan sepenuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam meneruskan usaha-usaha agensi-agensi Kerajaan dalam mendukung keutamaan Menjana Sumber Manusia yang Kompeten dan *Employable* ini, beberapa peruntukan telah disediakan antaranya:

- a. Untuk meningkatkan *access* dan penyerapan lelasan-lelasan sekolah kepada pendidikan teknikal dan vokasional yang bersesuaian, peruntukan sejumlah \$2.5 juta dengan Harga Rancangan \$8 juta disediakan di bawah Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional;
- b. Sejumlah \$55 juta dengan Harga Rancangan \$223.8 juta bagi Program Hal Ehwal MPEC termasuk untuk membiayai skim-skim di bawah Dana Pembangunan Sumber Manusia, Program *i-Ready*, dan Pusat Pembangunan Kapasiti;
- c. Untuk meningkatkan produktiviti dan efisiensi serta memperkasakan agensi-agensi pelaksana, peruntukan adalah disediakan secara keseluruhannya sejumlah \$48.2 juta dimana:
 - i. Sejumlah \$785,000 dengan Harga Rancangan \$2.5 juta di bawah RKN adalah bagi melaksanakan *Civil Service Leadership Pipeline* di bawah kawalan JPM.; dan
 - ii. Sejumlah \$47.4 juta bagi Perkembangan Sumber Tenaga Manusia di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang di Kementerian-Kementerian secara keseluruhannya termasuk sejumlah \$5.5 juta untuk Latihan Dalam Perkhidmatan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam;

dan sejumlah \$25.5 juta disediakan di bawah Kementerian Pertahanan.

Untuk mendukung usaha pembangunan belia dalam meningkatkan pembangunan kapasiti, peruntukan-peruntukan berikut adalah disediakan untuk membiayai:

- i. Biasiswa yang disediakan \$40.7 juta iaitu sejumlah \$37.8 juta di bawah Kementerian Pendidikan dan \$2.9 juta di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.;
- ii. Elaun Penuntut disediakan \$56.5 juta iaitu sejumlah \$51.8 juta di bawah Kementerian Pendidikan dan \$4.7 juta di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.;
- iii. Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) adalah disediakan sejumlah \$2.2 juta dibawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan \$2.7 juta untuk pengurusan Pusat Pembangunan Belia.; dan
- iv. Sejumlah \$56.4 juta disediakan dalam Perkhidmatan Pendidikan dibawah Kementerian Pendidikan termasuk untuk membiayai perbelanjaan bagi CfBT.

Di samping peruntukan-peruntukan yang disediakan di atas, MOFE juga menyediakan peruntukan sejumlah \$27.5 juta di bawah Projek Fokus khusus

untuk membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus belanjawan negara; dan sejumlah kira-kira \$176 juta di bawah Projek Rampaian khusus bagi menampung pembiayaan atau pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan.

Peruntukan khas juga disediakan bagi membiayai persediaan Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi kepada Mesyuarat ASEAN pada tahun 2021, yang akan memfokuskan tiga keutamaan, iaitu keprihatinan terhadap penduduk dan kesejahteraan masing-masing; bersedia untuk peluang dan cabaran masa hadapan; dan bersama menuju kemakmuran sebagai sebuah rantau yang bersatu. Tiga keutamaan tersebut akan memperkukuhkan perpaduan dan *ASEAN Centrality* di samping mempercepatkan usaha-usaha pemulihan daripada kesan pandemik *COVID-19* dan seterusnya mencapai hasrat Komuniti ASEAN yang inklusif. Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Mesyuarat ASEAN, juga berpeluang untuk menunjukkan keupayaan negara dalam mengukuhkan hubungan di antara negara-negara ahli ASEAN dan juga bersama rakan-rakan dialog ASEAN, sejajar dengan tema "*We Care, We Prepare, We Prosper*". Selain mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN dan mesyuarat yang berkaitan, Negara Brunei Darussalam mempunyai kuasa/keupayaan untuk mengemukakan isu-isu yang berkepentingan bagi Negara Brunei Darussalam seperti memandu kerja-kerja ke arah pelaksanaan pemulihan ekonomi pasca wabak *COVID-19*, perkembangan digitalisasi dan

mencadangkan inisiatif-inisiatif baru seperti *Circular Economy* yang terkandung di dalam hasil keutamaan ekonomi Negara Brunei Darussalam di bawah tunggak Komuniti Ekonomi ASEAN.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang masih dalam proses pemulihan, kita bersyukur kehadiran **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan dengan berkat kepemimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, amalan pengurusan kewangan kerajaan secara berhemat telah dapat membantu untuk terus memajukan ekonomi negara. Oleh yang demikian, kerjasama sepenuhnya dan sokongan padu semua agensi-agensi kerajaan termasuk pihak Sektor Swasta bagi sama-sama meningkatkan usaha untuk mempelbagaikan aktiviti perekonomian dan sumber hasil pendapatan. Usaha-usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing atau *FDIs*, pelaksanaan projek-projek melalui kaedah *Public-Private Partnership (PPP)* dan memperluaskan lagi asas pendapatan negara (*widening revenue base*) perlu dipertingkatkan. Usaha-usaha tersebut adalah sangat-sangat penting untuk mengukuhkan kestabilan makroekonomi dan kedayatahanan fiskal negara, agar negara akan dapat menikmati kesejahteraan dan kemakmuran secara berterusan, dengan penuh keberkatan di bawah perlindungan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sebelum kaola mengakhiri pembentangan ini, marilah kita sama-sama berdoa agar negara kita akan sentiasa maju, aman dan makmur berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang adil lagi bijaksana dan dengan izin **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua akan sentiasa menjadi sebuah Negara Zikir, **آمِينَ**.

Kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara Yang Dikeluarkan Dari Peruntukan Kumpulanwang Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu, sepanjang Tahun Kewangan 2021/2022.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas huraian yang begitu jelas dan menyeluruh mengenai tujuan dan perancangan-perancangan peruntukan kewangan negara bagi tahun 2021/2022 dalam ia mengenalkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan, saya ingin tahu sama ada adakah tidak ahli di sebelah sini ingin untuk menyokong Rang Undang-Undang yang berkenaan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu tadi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Rang Undang-Undang ini kita bukakan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang telah pun disokong oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk kita bahaskan sebagaimana lazim.

Sekarang ada baiknya saya tangguhkan dulu persidangan kita ini untuk kita berehat sebelah tengah hari dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)